
HARI RABU 27 JULAI 1994 PUKUL 2.30 PETANG

- *1. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:
- (a) persidangan ILO di Geneva sudah berakhir, apakah hasil dari persidangan itu yang dapat memberikan manfaat kepada Kesatuan Sekerja, khususnya kepada semua tenaga pekerja dalam semua sektor perkhidmatannya; dan
 - (b) sejauh manakah peranan wakil-wakil dari Malaysia dapat memainkan peranan masing-masing di persidangan itu dan adakah Kerajaan berpuashati.
- *2. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah Kerajaan akan memperuntukan saham terbitan yang lebih besar daripada sekarang kepada Dewan Perniagaan Melayu memandangkan keahlian dewan lebih menyeluruh dan daripada peruntukan yang besar juga lebih menonjolkan imej dewan.
- *3. Puan Hajah Zaleha Hussin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang lebih positif boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kelewatan pemerosesan kad-kad pengenalan di negara ini.
- *4. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sepucuk surat yang dihantar dari Shah Alam untuk disampaikan ke Kelang mengambil masa sebulan, dan apabila siasatan dibuat didapati surat itu mesti dibawa ke Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum penghantaran dibuat ke destinasi berkenaan. Jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap Pos Malaysia untuk mengatasi kelewatan penyampaian mel.
- *5. Datin Hajah Wan Intan Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini keutamaan Kerajaan pada ketika ini ialah pembinaan sebilangan rumah kos rendah yang mencukupi untuk keperluan rakyat, apakah tindakan yang akan diambil terhadap negeri-negeri dan pemaju-pemaju perumahan yang sengaja lewat-lewatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah.

***6. Puan Hajah Habshah Haji Osman** minta Menteri Dalam Negeri menerangkan berkenaan dengan usaha Pemadam dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan penyalahgunaan dadah yang berleluasa sehingga Masjid Jamek di Kuala Lumpur dijadikan sarang oleh penagih-penagih yang masih bebas mengamalkan perbuatan yang terkutuk ini.

***7. Puan Hajah Habshah Haji Osman** minta Menteri Kewangan menjelaskan berkenaan dengan cabutan nombor bertuah sijil premium Bank Simpanan Nasional oleh kerana hubungkaitnya dengan langkah-langkah Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan memandangkan Bank Simpanan Nasional adalah salah sebuah institusi Kerajaan.

***8. Puan Hajah Habshah Haji Osman** minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan apakah rancangan terperinci berkenaan dengan cadangan penyatuan operasi bas-bas mini di kotaraya Kuala Lumpur memandangkan laporan-laporan akhbar yang negatif yang disuarakan oleh pengusaha-pengusaha bas mini yang beroperasi sekarang. Adakah perancangan ini telah dibentangkan kepada ahli-ahli pengusaha-pengusaha bas mini Kuala Lumpur.

***9. Tuan Hj. Shuib bin Endut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah sebuah lagi syarikat pos dalam usaha mengatasi kelambatan pengedaran surat-surat; apakah tindakan Kementerian supaya kerja-kerja penyisihan surat dapat dibuat secara cepat setelah perkara ini menjadi permasalahan utama.

***10. Tuan Hj. Shuib bin Endut** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah program kempen kurangkan tabiat merokok benar-benar berjaya; dan
- (b) apakah takrif sebenarnya “tempat awam” dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada perokok yang masih engkar.

***11. Tuan Hj. Shuib bin Endut** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan Kementerian ke atas lebih 5,000 syarikat persendirian yang tidak mencarumkan wang KWSP pekerja mereka. Kenapa syarikat tersebut dibiarkan beroperasi sewenang-wenangnya.

***12. Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Tenaga Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa penggunaan telefon Atur boleh didengar melalui stereo/radio di tempat-tempat yang tertentu. Jika sedar apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya dapat menjamin keselamatan pengguna; dan
- (b) berapakah ramai pengguna Atur yang berdaftar dan berapakah syarikat yang diberi lesen untuk mengendalikannya penjualan talian Atur.

***13. Tuan V. Saravanan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa baru-baru ini suatu 'Exercise' (dengan Izin) kenaikan Pangkat bagi Pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen telah diadakan di seluruh negara, dan di fahamkan bahawa tidak ada seorang Pegawai India pun di beri kenaikan. Adakah ini benar. Jika ya, mengapakah mereka dikecualikan.

***14. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melantik Yang DiPertua tetap untuk mentadbir Majlis Daerah dan bukan Pinjam Pegawai Daerah menyandang jawatan yang penting ini. Jika tidak, beri sebabnya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menaikkan elaun Ahli Majlis Daerah masa sekarang.

***15. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) rancangan jangka panjang dan pendek menangani kenaikan kadar inflasi; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang membuka cawangan di setiap daerah supaya mengawal kenaikan harga barang-barang.

***16. Tuan Haji Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan telah membuat keputusan menentukan petani-petani mendapat perlindungan insuran kemalangan dan nyawa dengan mempertanggungjawabkan bidang itu kepada institusi tertentu.

***17. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan Projek Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) di kalangan masyarakat Orang Asli. Setakat ini didapati kumpulan ini hanya dibekalkan dengan rumah berukuran 10' x 16' sahaja, walhal ketinggalan mereka dalam pembangunan sosio-ekonomi amat ketara;

- (a) adakah maklumat-maklumat terhadap kemiskinan kumpulan ini tidak sampai kepada pihak Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri;
- (b) sejauh mana data-data kemiskinan Orang Asli telah dikumpulkan; dan
- (c) bilakah projek-projek lain (selain daripada rumah) yang dapat mengeluarkan mereka daripada kongkongan kemiskinan dapat disampaikan.

***18. Shahiruddin Ab. Moin** minta Menteri Pendidikan mengkaji waktu persekolahan di mana akan kuatkuasa waktu persekolahan murid-murid Islam bagaimana dengan kelas-kelas fardhu ain kerana kebanyakan kelas-kelas tersebut diadakan sebelum atau selepas waktu sekolah.

***19. Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) laporan kajian berkenaan dengan program Tabung Kebajikan Masyarakat; dan
- (b) adakah wajib untuk melaksanakannya.

***20. Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian mengkaji semula menukar kembali sistem persekolahan semester kepada tiga penggal persekolahan; dan
- (b) sistem yang sedia ada adakah sesuai lagi.

***21. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah penubuhan TV4 akan beroperasi; dan
- (b) adakah penubuhan TV4 akan memberi saingan kepada rangkaian TV1 dan TV2 dari segi jumlah penonton dan memungkinkan perpindahan kakitangan RTM ke sistem TV berikut yang sudah semestinya menawarkan peluang kerja yang lebih menarik.

***22. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah tujuan utama Kerajaan memajukan Taman Laut/Marin Santuari dan berapakah peruntukan kewangan yang telah diperuntukan untuk membangunkan taman tersebut; dan
- (b) setakat ini berapakah pulau yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Laut.

***23. Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian akan mendesak pihak PLUS supaya membekalkan semua perkhidmatan yang perlu bagi pengguna-pengguna lebuhraya terutamanya perkhidmatan stesyen minyak, kedai-kedai makanan dan minuman serta tandas yang mencukupi dengan secepat mungkin memandangkan lebuhraya Utara-Selatan telah digunakan hampir 1/2 tahun dan memandangkan bayaran yang dikenakan oleh pihak PLUS adalah berdasarkan kepada kegunaan jalan termasuk juga pelbagai perkhidmatan, adakah Menteri berkenaan akan mendesak pihak PLUS untuk memberi diskaun kepada bayaran tol yang dikenakan oleh mereka sekarang. Jika tidak adakah pihak Menteri juga bercadang untuk menunda tarikh berkuat-kuasa kenaikan kadar tol apabila tiba masanya mengikut perjanjian sejajar dengan tempoh dari mana PLUS tidak memberi kemudahan penuh yang dikira dari tarikh lebuhraya Utara-Selatan digunakan.

***24. Dato' Mohd. Radzi bin Manan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan betulkah ramai yang memohon kad pengenalan baru telah gagal mengambilnya setelah kad-kad itu siap; dan jika betul apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah ini untuk memastikan Kementerian tidak menghadapi masalah apabila tempoh masa menukar kad pengenalan luput nanti.

***25. Datuk Haji Ahmad bin Hj Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan negara kita tidak lama lagi akan mengeluarkan keretanya yang kedua, nyatakan setakat ini apakah kemajuan yang sedang dicapai di dalam ujian yang telah dibuat untuk mengeluarkan petrol daripada kelapa sawit.

***26. Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang beliau telah ambil sebaik sahaja beliau mengetahui yang para pemain Malaysia yang bertanding di dalam perlawanan akhir badminton untuk Piala Thomas telah diejek, dibaling kayu dan air minuman sewaktu keluar dari bilik persalinan untuk masuk menuju ke gelanggang sebelum memulakan permainan.

***27. Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah faedah-faedah dan bantuan teknikal yang diberi oleh ILO kepada negara kita;
- (b) apakah pendirian ASEAN dan ILO terhadap isu klaus sosial dikaitkan dengan perdagangan antarabangsa; dan
- (c) pemimpin MTUC menyokong klaus sosial dikaitkan dengan perdagangan antarabangsa akan mendatangkan kesan negatif kepada kebajikan pekerja-pekerja sendiri di negara ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap segelincir pemimpin MTUC yang tidak bertanggungjawab ini.

***28. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada lesen T.V. perlu diswastakan dan jika ya, apakah faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Kerajaan.

***29. Tuan Limun Laikim** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada rancangan persekolahan akan diadakan seluruh hari bukan seperti sekarang ini iaitu di sebelah pagi dan di sebelah petang dan jika ya, adakah persetujuan semua pihak seperti guru-guru dan ibubapa telah diperolehi.

***30. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang pertambahan bilangan doktor perubatan dan doktor gigi di negara kita. Adakah punca kurangnya dan apakah langkah untuk mempertingkatkan dan mempercepatkan penambahan tersebut.

***31. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dijalankan pada tahun 1993 & 1994 untuk para guru sekolah menengah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan;
- (b) Pecahan mengikut kursus yang dijalankan pada semester persekolahan dan masa cuti sekolah; dan
- (c) adakah perlu menjalankan kursus-kursus bagi guru semasa semester sekolah berlangsung memandangkan pelajar-pelajar menghadapi kesulitan kerana guru-guru yang mengajar kelas peperiksaan di hantar menghadiri kursus.

***32. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah Kementerian sudah mengenalpasti bahawa pembangunan di Genting Highlands yang akan dibangunkan tidak menjejaskan ekologi dan alam sekitar.

***33. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan berkesan kepada pihak tertentu bagi menghentikan import filem berunsur seks dan keganasan.

***34. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pendidikan menjelaskan apakah tindakan Kementerian terhadap pelajar-pelajar yang berkahwin secara muktaah di luar negara. Berapa ramai kes ini berlaku, adakah ia masih dipraktikkan dan apakah tindakan Kementerian dalam mengatasi masalah ini.

***35. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan terhadap pelajar-pelajar tajaan Malaysia ke luar negara yang enggan pulang dan berminat untuk bekerja di luar negara. Berapa ramai di antara enggan menyambung pelajaran mereka kerana berkahwin atau bergiat dalam kegiatan agama dan apakah denda yang dikenakan ke atas mereka.

***36. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan penswastaan perkhidmatan kesihatan. Apakah kementerian akan menswastakan hospital dan klinik-klinik yang dimiliki oleh Kerajaan. Apakah pendirian Kerajaan terhadap penduduk luar bandar yang memerlukan perkhidmatan ini secara percuma di kawasan tersebut.

***37. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hak-hak seorang pemegang kad pengenalan merah yang berada di negara ini;
- (b) bolehkah seorang pemegang kad pengenalan merah memiliki atau membeli harta seperti rumah, rumah kedai ataupun tanah; dan
- (c) jika mereka ini membeli harta daripada orang lain, apakah peraturan-peraturan yang patut diikuti supaya memindahkan hakmilik harta tersebut atas nama mereka sendiri.

***38. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang akan menswastakan semua perkhidmatan kesihatan termasuk perkhidmatan rawatan perubatan di hospital dan klinik; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menjamin selepas penswastakan perkhidmatan kesihatan, rakyat umum khususnya mereka yang miskin akan terus menikmati perkhidmatan rawatan dan lain-lain kemudahan kesihatan dengan mudah.

***39. Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah levi yang telah dikutip untuk Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia sehingga 1993;
- (b) apakah syarat-syarat untuk sesuatu syarikat memohon menggunakan Kumpulan Wang tersebut; dan
- (c) berapa syarikat telah menafaatkan daripada Kumpulan Wang tersebut.

***40. Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Akta Penerangan 1988 akan dipinda supaya sesuai dengan keadaan tahun sembilan puluhan yang memerlukan bukan saja hiburan tetapi juga maklumat-maklumat untuk kebaikan dunia dan perdamaian sejagat.

***41. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar sekolah-sekolah di pedalaman tidak mencukupi guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik ini menyebabkan guru-guru yang sedia ada terpaksa mengajar sedangkan mereka ini kurang mahir dan ini yang membosankan dan kurang minat; dan
- (b) adakah pihak Kementerian sedar alat-alat pengajaran tidak cukup terutama di sekolah-sekolah pedalaman, ini yang menyebabkan cara pengajaran guru di sekolah tidak menarik dan ini melemahkan murid-murid dan juga guru-guru.

***42. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah caruman yang terkumpul dalam KWSP sehingga Julai 1994 dan berapa pula caruman yang tidak dituntut setakat ini.

***43. Tuan Ibrahim bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa ramai kakitangan Kerajaan yang diuntukkan rumah Kerajaan disewakan kepada orang lain;
- (b) dari kategori/kumpulan mana mereka-mereka ini; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan supaya perkara seperti ini tidak berlaku.

***44. Tuan Haji Ab. Salam Awang** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan memandangkan rumah-rumah penginapan untuk orang-orang tua/miskin telah diadakan di setiap negeri dalam Malaysia dan mengikut rekod-rekod yang ada, negeri manakah yang ada mempunyai penginap yang ramai dan beri angka-angkanya mengikut negeri.

***45. Tuan Haji Ab. Salam Awang** minta Menteri Luar Bandar menyatakan memandangkan bahawa melalui badan-badan KEMAS ada peruntukan alat-alat/mesin-mesin untuk industri-industri kecil yang dibekalkan kepada mereka yang ada minat dalam lapangan tertentu, setakat ini berapa banyakkah alat-alat/mesin-mesin itu dibekalkan dan berapa ramai daripada mereka yang mendapat pertolongan itu menonjolkan kemajuan untuk berkembang maju. Sila beritahu kedudukannya mengikut negeri-negeri.

***46. Tuan Haji Ab. Salam Awang** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan rancangan "Ehwal Islam" pada malam Khamis sangat memberi pengajaran kepada umat Islam di semua peringkat, tidakkah program ini dapat diberi peluang kepada masyarakat Islam di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia untuk berdepan dengan pensyarah-pensyarah yang terkemuka dan ini akan memberi peluang kepada masyarakat Islam di negeri-negeri dapat berhujah dan berkenal suai dengan ahli-ahli panel yang berkaliber itu. Di samping itu ia menampakkan Kementerian Penerangan membuka peluang kepada rakyat di negeri-negeri pendedahan melalui kaca TV.

***47. Tuan Mohd. Zain bin Hj. Mat Daud** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pelabuhan di Tumpat, Kelantan untuk dijadikan sebagai pintu masuk ke negara ini bagi pedagang-pedagang dari Negeri-negara Indo-China yang sedang pesat membangun. Kalau tidak sila kemukakan alasan-alasannya.

***48. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan usaha-usaha Malaysia di peringkat antarabangsa supaya mengekal Perdagangan Dunia Bebas (Free World Trade) memandangkan ada usaha oleh Amerika Syarikat dan negara-negara maju Barat ingin memasukkan isu-isu gaji minima, taraf pekerja, alam sekitar dan hak kemanusiaan dalam menentukan perdagangan yang sudah tentu akan menjejaskan prestasi negara-negara membangun yang sedang menuju ke arah negara maju seperti Malaysia.

***49. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan masalah belia lepak dari segi golongan yang terlibat, tempat-tempat melepak, punca-punca berlakunya melepak dan gejala-gejala yang timbul dari isu lepak di negara ini.

***50. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bilakah isu dua President Pergerakan 4B akan diselesaikan dan menyatakan juga sebab-sebab kelewatan menyelesaikan masalah yang mencerminkan pergolakan yang tidak sihat di kalangan pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini.

***51. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar asing yang belajar di Malaysia dan setelah lulus pengajian mereka berapa pula yang bekerja di negara ini, dan adakah dasar ini patut diteruskan.

***52. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapa ramaikah kanak-kanak yang menjadi mangsa perceraian dari kalangan bukan Islam sejak tahun 1990 hingga 31-5-1994 dan adakah ini akan membawa kesan buruk kepada rancangan penyayang Kerajaan.

***53. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa guru-guru maktab apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah apabila tamat akan hilang pengalaman mereka semasa di Maktab, pengalaman mereka diambilkira bila tamat dari Universiti sahaja, ini menyebabkan kenaikan pangkat tipis sekali.

***54. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah Kerajaan hendak meminda Akta FELDA yang sudah berusia 38 tahun supaya bersesuaian dengan kehendak terkini.

***55. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah masalah Pulau Sipadan dan Ligitan boleh membawa pertikaian di antara Malaysia dan Indonesia; dan
- (b) apakah isu ini boleh diselesaikan dengan baik untuk kebaikan bersama.

- *56. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Perdana Menteri menyatakan:
- (a) adakah Kerajaan akan mansuhkan ISA, jika benar apakah sebabnya; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), jika ya, sila nyatakan.